**NO. SOALAN 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** |
| **TARIKH** | **:** | **10 JULAI 2019 [ RABU ]** |

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagi mengatasi masalah aliran wang tunai, FELDA perlu menjual pelaburannya di luar negara seperti Grand Plaza Services Apartment, London dan Grand Kingston, London Plaza. Nyatakan pelaburan-pelaburan FELDA di luar negara dan mengapa harta-harta tersebut lambat dijual.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA bersama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sedang merangka langkah jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam memastikan kedudukan aliran tunai FELDA dapat dipulihkan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Putih “Ke Arah Kelestarian Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)” di Dewan Rakyat pada 10 April 2019.

2. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh FELDA adalah merasionalisasikan aset-aset, menstrukturkan semula pinjaman, mendapatkan bantuan kewangan dari Kerajaan dan kaedah-kaedah lain dalam memastikan kedudukan aliran tunai FELDA dapat dipulihkan.

3. Dalam proses rasionalisasi ini, FELDA dijangka melaksanakan penjualan aset-aset yang bukan strategik milik syarikat – syarikat subsidiari FELDA bagi hartanah di London, Sarawak dan Sabah yang dibeli pada kos sebanyak RM2.2 bilion. Pada masa ini, FELDA dan syarikat – syarikat subsidiari FELDA masih dalam proses untuk melaksanakan penjualan aset-aset yang bukan strategik tersebut dengan teliti bagi memastikan FELDA mendapat nilai yang terbaik dan memberi manfaat yang optimum kepada FELDA dan peneroka.

Sekian, terima kasih.